

**SOALAN NO: 33**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu  
[Batu Gajah]**

**TARIKH : 27 Julai 2017**

**SOALAN : Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

inisiatif-inisiatif yang telah diambil untuk membantu penternak-penternak ikan koi di Kampung Baru Bali, Tronoh. Adakah Kerajaan Pusat akan membangunkan industri ikan hiasan ini dengan berunding dengan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu tanah kolam yang berpanjangan sekian lama di kawasan tersebut.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Dalam membantu penternak-penternak ikan hiasan termasuk penternak-penternak ikan koi di Kampung Baru Bali, Tronoh, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menyediakan bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan akuakultur (SPeKS Akuakultur). Bantuan tersebut merangkumi semua program perkhidmatan Jabatan Perikanan Malaysia termasuk khidmat nasihat berkaitan Amalan Akuakultur Baik seperti pendaftaran ladang mengikut keperluan eksport, surveilan penyakit ikan, latihan pencegahan dan kawalan penyakit, pelupusan ikan berpenyakit, dan input dalam bentuk teknologi, peralatan serta infrastruktur.

Hasil daripada program SPeKS Akualkultur tersebut, pada tahun 2016 sejumlah 1.5 juta ekor ikan hiasan bernilai RM1.5 juta berjaya dikeluarkan oleh 35 orang penternak ikan koi di Tronoh bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri Perak juga telah menyerahkan pengurusan tanah di Lawan Kuda, Gopeng, Perak seluas 265 hektar kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

untuk pembangunan industri perikanan akuakultur termasuk ikan hiasan. Sehingga kini seramai 100 orang pengusaha ikan hiasan sedang mengoperasikan ternakan di kawasan tersebut.

Dalam menyelesaikan isu tanah kolam di kawasan tersebut, perbincangan telah diadakan di antara Jabatan Perikanan Negeri Perak dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak. Walau bagaimanapun, berdasarkan semakan dengan Pejabat Daerah Batu Gajah didapati tanah berkenaan telah mempunyai hak milik.